



**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1**

Monday 10 May 2004 (afternoon)

Lundi 10 mai 2004 (après-midi)

Lunes 10 de mayo de 2004 (tarde)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only. It is not compulsory for you to respond directly to the guiding questions provided. However, you may use them if you wish.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages. Le commentaire ne doit pas nécessairement répondre aux questions d'orientation fournies. Vous pouvez toutefois les utiliser si vous le désirez.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento. No es obligatorio responder directamente a las preguntas que se ofrecen a modo de guía. Sin embargo, puede usarlas si lo desea.

*Tuliskan satu ulasan mengenai satu petikan sahaja. Anda tidak semestinya menjawab terus kepada soalan-soalan panduan yang diberikan. Walau bagaimanapun, anda digalakkan supaya menggunakannya sebagai asas kepada ulasan anda:*

1. (a)

Aduhai, betapa bahagianya menjadi isteri solehah. Bagaikan diri saya tidak terinjak di bumi nyata. Lalu saya kelubungkan seluruh diri saya dalam pakaian berwarna kusam kerana isteri solehah tidak memancarkan warna gemerlapan. Kecantikan ini hanya untuknya.

5           Kau benar-benar isteri yang solehah. Kau telah melepasi banyak ujian dan aku yakin bahawa kau akan turut melepasi ujian ini.

10           Hati saya berdebar-debar. Dia menguji saya rupa-rupanya. Saya tidak pernah tahu. Saya kira kami menjalani hidup dengan nyata, tapi katanya dia menguji saya. Apakah ini akhirnya sebuah sandiwara yang sedang saya lakonkan? Apakah saya akan lulus atau gagal? Apakah hadiah yang akan suami saya berikan untuk isteri yang dianggapnya solehah.

              “Aku sangat yakin kau mampu melepasi,” ujarnya lagi. Dan debaran kian menghebat.

15           Malam yang bening, saya menunggunya di rumah. Saya benar-benar tidak sabar menerima kehadirannya. Dan saat yang saya tunggu pun tiba. Dia muncul di ambang pintu. Dia senyum kepada saya. Saya membalas senyumannya. Dia berpaling ke kiri dan menggamit seseorang. Bermakna ada orang lain bersama dengannya. Resah membukit dan saya tidak boleh duduk. Hati saya kian berdebar. Dada saya berkocak. Perut memulas-mulas.

20           Dan di ambang yang serupa, seorang wanita yang selalu saya temui di tempat usrah berdiri di sebelahnya.

              Peluh telah bermanik-manik. Apa kejutan yang ingin dia perbuat? Jiwa saya bergelombang. Buat pertama kali bahtera yang saya diami berkocak hebat.

25           “Ingin saya kenalkan kepada Wani, inilah isteri saya yang solehah,” ujarnya. Manis senyumnya berladung di bibir.

              Wani angguk hormat kepada saya. Saya masih waswas. Bermacam-macam soalan merodok otak saya, tetapi saya masih mampu mengawal emosi. Tetamu saya persilakan masuk. Suami saya duduk mengadap saya, sedangkan wanita itu duduk bersebelahannya.

30           Lalu saya bertanya kepada dia, “Kenapa Wani di sini?”

              Dia tidak menyahut, tetapi mengambil nafas. Tenang air mukanya. Saya buntu. Fikiran saya kabur.

              Kenapa Wani di sini. Sejak bila suami saya mengenali Wani?

Bertenang.

35 Saya bertenang dalam taufan kehairanan. Mustahil! Mustahil! Tubuh saya menggigil dalam ribut persoalan, sedang resah yang membukit telah bergunung-gunung.

“Inilah isteri kedua abang. Bekas isteri teman yang pernah abang ceritakan.”

40 Nah ...! Gunung resah terhambur sudah. Kecil lelaki itu di mata saya. Bulu roma saya meremang tidak keruan, mengalahkan kucing jantan garang yang meremang bulu ekor mahu menerkam mencakar lawan. Hilang kata-kata. Hilang upaya. Terbenam dalam lumpur muslihat. Teroleng-oleng dibawa ombak dusta nakhoda. Seriau membelah perut. Kiamat. Sesudah meletup gunung datang guruh sengsara menerjah bersama-sama halilintar pedih.

45 Dan saya benar-benar berada di ambang neraka. Seberang sana syurga menganga.

“Abang tahu kau kuat menerimanya. Kau isteri solehah.”

Disesuaikan daripada Samsiah Mohd. Nor,  
“Jangan Kau Menangis,” *Mingguan Malaysia*, 12 Mei 2002.

- Bincangkan gaya penceritaan dalam petikan ini.
- Apakah persoalan-persoalan yang ingin dikemukakan.
- Apakah unsur bahasa dan sastera yang menarik yang terdapat dalam petikan ini?
- Apakah pendapat anda tentang kedua-dua watak, pencerita dan sang suami, setelah membaca petikan ini?

1. (b)

Analogi Silaturahmi Suatu Bangsa

- 1  
kita rungkai benang-benang kusut  
tenunlah menjadi renda-renda  
betapa indah nanti warnanya  
citra toleransi sebuah hati
- 5 kerana yang rumit hanya pada kata
- 2  
mari kita pecahkan batu keras ini  
nantinya menjadi kelikir-kelikir  
lalu taburkan di atas tanah yang becak  
di atasnya kita berjalan bersama
- 10 andainya sakit kita tafsirkan peritnya
- 3  
jalan semak ke taman itu kita bersihkan  
kumpul pecah-pecahan dan segala duri  
di belakang anak-anak kita melaluinya  
cantik taman itu kita punya bersama
- 15 kita perelokkan di sana sebuah harapan
- 4  
berpegang tanganlah kita  
tatkala menyeberangi sebuah titian  
sebaiknya yang tua didahulukan  
yakiniilah tentang makna kesetian
- 20 hati yang teguh di sini cabarannya
- 5  
sebuah perahu sekalipun kecil  
kita tolaklah bersama ke tepian pantai  
di depan kita gelombang samudera  
kelak kita belayar ke mana sahaja
- 25 hanya yang sabar akan faham getirnya.

Saibil Madun  
*Dewan Sastera, Ogos 2001*

- Bincangkan persoalan-persoalan yang terdapat dalam sajak ini.
- Bincangkan unsur-unsur perlambangan yang terdapat dalam sajak ini.
- Apakah imej-imej berbeza yang ditonjolkan dalam sajak ini.
- Apakah yang kamu fahami tentang pendirian penulis dari sajak ini.